

11 FEB 2003

DR MAHATHIR SERAH LEMBU KORBAN

JITRA, 11 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyerahkan empat ekor lembu korban untuk diagih-agihkan kepada penduduk miskin di sini dan Pendang.

Masjid Kampung Kelubi Luar dan Masjid Pulau Ketam, Tunjang masing-masing menerima seekor lembu.

Dr Mahathir yang juga Anggota Parlimen Kubang Pasu menyerahkan lembu korban untuk kariah Masjid Kampung Kelubi Luar kepada imam masjid Abu Bakar Nayan manakala di Kampung Pulau Ketam, ia diserahkan kepada Yahya Lebai Mat.

Yahya, 110, ialah imam masjid kampung berkenaan.

Selepas itu, di kediamannya di Titi Gajah di sini, Dr Mahathir menyerahkan dua ekor lembu, masing-masing seekor untuk Mukim Titi Gajah dan Kampung Asam Jawa, Pendang.

Dr Mahathir menyerahkan seekor lembu kepada Badaruddin Ali yang mewakili penduduk Mukim Titi Gajah untuk diagihkan kepada 50 keluarga miskin di mukim itu manakala Yahya Abu menerima seekor lembu untuk diagih-agihkan di Kampung Asam.

-- BERNAMA

RSL FAJ FMF MNH JM MOZ